



JABATAN SUMBER MANUSIA • HUMAN RESOURCE DEPARTMENT

Rujukan : UKM HTM (S).2/181/2

Tarikh : 27 September 2024

Semua

Ketua Jabatan / Unit / Pusat

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PEMBAHARUAN KONTRAK PERKHIDMATAN KAKITANGAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA BAGI TAHUN 2025

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Jabatan Sumber Manusia, HCTM akan melaksanakan ekseseis pembaharuan kontrak perkhidmatan kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana bagi kakitangan yang akan tamat tempoh pada tahun 2025. Sehubungan dengan itu, semua kakitangan kontrak yang akan tamat tempoh perkhidmatan perlu melengkapkan dokumen seperti berikut:

- i) **Borang Permohonan Pelantikan Semula Selepas Bersara / Pembaharuan Perkhidmatan Kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana (HCTM/JKIK/JSM/B24 (Pin.1/2024))** yang boleh dimuat turun melalui laman web <https://hctm.ukm.my/jsm/dokumen/>;
- ii) **Penyediaan jadual kekerapan deskripsi tugas** (format seperti di Lampiran A); dan
- iii) **Penyediaan deskripsi tugas** mengikut format *job description* (JD) myPortfolio.

3. Untuk makluman YBhg. Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Jabatan Sumber Manusia, HCTM **tidak akan menghantar** surat peringatan kepada pihak jabatan untuk tujuan pembaharuan kontrak kakitangan. Sehubungan itu, pihak jabatan dimohon untuk memantau dan sentiasa peka mengenai tarikh tamat kontrak kakitangan yang ada di jabatan. Dokumen permohonan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Sumber Manusia, HCTM mengikut jadual seperti berikut:

Tarikh Tamat Tempoh Perkhidmatan Kontrak	Tarikh Mengemukakan Dokumen Permohonan
01 Januari 2025 hingga 30 April 2025	02 Oktober 2024 sehingga pada 16 Oktober 2024
01 Mei 2025 hingga 31 Ogos 2025	21 Januari 2025 sehingga pada 04 Februari 2025
01 September 2025 hingga 31 Disember 2025	18 Mei 2025 sehingga pada 01 Jun 2025



TERHAD

JABATAN SUMBER MANUSIA

HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tel.: +603-9145 5151 Faks: +603-9145 6646 E-mel: kjsm@ppukm.ukm.edu.my Web: www.hctm.ukm.my/jsm

TERHAD

4. Sekiranya pihak Jabatan Sumber Manusia tidak menerima sebarang permohonan pembaharuan daripada jabatan, pihak kami beranggapan tiada keperluan jawatan tersebut di jabatan dan kontrak kakitangan tersebut akan tamat tempoh dan tidak akan diperbaharui.

5. Sukacita YBhg. Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan untuk makluman dan tindakan selanjutnya. Untuk sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Puan Normahani Md. Ramdani / Puan Noraslina Ahmad, Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat, HCTM melalui mahani.ramdani@ppukm.ukm.edu.my / noraslina@ppukm.ukm.edu.my atau di nombor telefon 03-9145 5138 / 6454.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

Better, Faster, Friendlier

Yang benar,



NADIA NOOR-AWAL

Ketua Jabatan Sumber Manusia

s.k. - **Pengarah**
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM

 - **Timbalan Pengarah (Pentadbiran)**
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM

Berlampir...

TERHAD

JADUAL KEKERAPAN DESKRIPSI TUGAS

Nama : _____

UKM (PER) : _____

Jawatan : _____

Jabatan : _____

Bil	Senarai Tugas	Kekerapan Pelaksanaan Tugas (Minggu / Bulan)	Masa Yang Diperlukan Untuk Menyiapkan Tugas

(sila tambah lampiran sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi)